

Hak Kanak-Kanak kepada Persekitaran yang Sihat di Rantau ASEAN

Prinsip-Prinsip dan Panduan Dasar



R A N T A U A S E A N



Apakah hak kanak-kanak?

Hak kanak-kanak merupakan setiap perkara yang kanak-kanak perlu ada atau dapat lakukan, untuk mempunyai kehidupan yang baik. Hak ini termasuk perkara-perkara seperti hak untuk berasa selamat dan mempunyai tempat yang selamat untuk hidup, hak kepada pendidikan, dan hak untuk bersuara tentang keputusan yang memberi kesan kepada anda. Di dalam sebuah perjanjian yang penting, banyak kerajaan telah berjanji untuk memastikan bahawa semua hak kanak-kanak ini dilindungi.

Apakah persekitaran yang sihat?



Iklm yang selamat untuk semua orang dan setiap makhluk hidup

Makanan yang seimbang untuk dimakan dan tempat yang tidak tercemar untuk menetap, belajar dan bermain



Udara yang bersih untuk bernafas dan air yang bersih untuk diminum



Tindakan mampan yang memanfaatkan sumber masa kini tanpa menjejaskan sumber masa hadapan






Kanak-kanak di seluruh dunia sedang memberitahu orang dewasa dan kerajaan bahawa mereka ingin hidup dan membesar dalam persekitaran yang sihat.

Bagi membantu semua orang di rantau ASEAN untuk melindungi dan menghormati hak kanak-kanak kepada persekitaran yang sihat, tiga buah agensi dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah bekerjasama dengan kanak-kanak dan pakar dewasa untuk membangunkan Prinsip-Prinsip dan Panduan Dasar.



Apakah itu Prinsip-Prinsip dan Panduan Dasar?



Prinsip-Prinsip merupakan peraturan asas yang perlu diikuti oleh semua orang bagi memastikan kanak-kanak boleh menikmati hak mereka kepada persekitaran yang sihat. Terdapat 37 Prinsip semuanya.

Panduan Dasar memberi arahan kepada kerajaan, perniagaan, komuniti, media, dan kanak-kanak tentang cara untuk mengikuti Prinsip-Prinsip tersebut.

Tahukah anda?



Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menyatakan bahawa semua orang ialah kanak-kanak dari saat mereka dilahirkan sehinggalah mereka berusia 18 tahun, ketika mereka menjadi orang dewasa muda.



PRINSIP-PRINSIP

Apakah yang perlu diingati oleh semua orang di rantau ASEAN ketika membuat keputusan dan mengambil tindakan yang memberi kesan kepada kanak-kanak dan persekitaran?



PERSEKITARAN YANG SIHAT

Semua kanak-kanak mempunyai hak untuk hidup dan membesar dalam persekitaran yang sihat.



PENYERTAAN KANAK-KANAK

Semua kanak-kanak mempunyai hak untuk berkongsi pandangan dan mengambil bahagian dalam membuat keputusan yang mempengaruhi hak mereka kepada persekitaran yang sihat.



MAKLUMAT MESRA KANAK-KANAK

Semua kanak-kanak mempunyai hak untuk mendapatkan maklumat untuk hidup dalam persekitaran yang sihat dalam bahasa yang mereka fahami dengan cara yang menarik.



PENDIDIKAN ALAM SEKITAR

Semua kanak-kanak mempunyai hak untuk mempelajari tentang dan bagaimana untuk melindungi alam sekitar.



BERMAIN

Semua kanak-kanak mempunyai hak untuk bermain dengan selamat dalam persekitaran yang sihat di luar rumah.



PERLINDUNGAN DARIPADA PERUBAHAN IKLIM DAN KEROSAKAN TERHADAP ALAM SEMULA JADI

Semua kanak-kanak mempunyai hak untuk dilindungi daripada semua jenis kemudaratan yang disebabkan oleh perubahan iklim, pencemaran dan kehilangan tumbuhan, haiwan, dan sumber semula jadi yang lain.



MENAMATKAN AKTIVITI PERNIAGAAN YANG MEMUDARATKAN

Semua kanak-kanak mempunyai hak untuk dilindungi daripada semua jenis kemudaratan yang disebabkan oleh aktiviti perniagaan.



MENYEDIAKAN BANTUAN

Semua kanak-kanak mempunyai hak untuk meminta dan menerima sokongan dan mendapatkan keadilan mesra kanak-kanak apabila mereka mengalami kemudaratan yang disebabkan oleh pelanggaran hak mereka kepada persekitaran yang sihat.



PERLINDUNGAN DARIPADA KEGANASAN

Semua kanak-kanak mempunyai hak untuk dilindungi daripada segala jenis ancaman atau masalah, daripada sesiapa sahaja, apabila mereka menuntut supaya hak mereka kepada persekitaran yang sihat dihormati dan apabila mereka mencari keadilan jika hak mereka tidak dihormati.

Terdapat 28 Prinsip khusus yang lain tentang melindungi hak kanak-kanak kepada persekitaran yang sihat.



Ingat! Ini adalah untuk semua kanak-kanak. Tidak kira siapa atau di mana anda berada. Semua kanak-kanak mempunyai hak ini, termasuk anda.

PANDUAN DASAR

Bagaimanakah semua orang boleh menyumbang untuk memastikan bahawa terdapat persekitaran yang sihat untuk kanak-kanak?

Kerajaan boleh...



- ▶ Membuat undang-undang dan peraturan yang menghendaki Prinsip-Prinsip ini dihormati, termasuk peraturan untuk perniagaan
- ▶ Memastikan bahawa kanak-kanak mengambil bahagian dalam membuat keputusan, dengan maklumat yang mereka boleh fahami
- ▶ Memastikan bahawa pendidikan alam sekitar disediakan di sekolah
- ▶ Memastikan dana yang mencukupi untuk membolehkan semua tindakan ini supaya hak kanak-kanak kepada persekitaran yang sihat dilindungi

Perniagaan boleh...



- ▶ Sentiasa memeriksa bagaimana aktiviti perniagaan boleh memberi kesan kepada kanak-kanak dan alam sekitar, dan mengelakkan aktiviti yang boleh menyebabkan kemudaratan
- ▶ Memastikan bahawa semua orang dalam syarikat memahami dan menghormati hak kanak-kanak kepada persekitaran yang sihat
- ▶ Memberi perhatian kepada suara kanak-kanak sebelum membuat keputusan perniagaan

Komuniti boleh...



- ▶ Membantu kanak-kanak untuk melindungi hak mereka kepada persekitaran yang sihat dengan cara yang selamat
- ▶ Bekerjasama dengan kanak-kanak untuk memperkenalkan amalan yang baik untuk persekitaran tempat tinggal mereka, seperti 'kurangkan-guna semula-kitar semula'
- ▶ Menyokong kerajaan, sekolah, perniagaan, dan komuniti untuk menghormati Prinsip-Prinsip tersebut

Media boleh...



- ▶ Melaporkan tentang perkara baik dan tidak baik yang dilakukan oleh kerajaan dan perniagaan dalam menghormati hak kanak-kanak kepada persekitaran yang sihat
- ▶ Menghasilkan maklumat tentang alam sekitar untuk kanak-kanak
- ▶ Melaporkan aktiviti baik yang dianjurkan oleh kanak-kanak untuk melindungi alam sekitar dan melawan perubahan iklim

Ini hanyalah sebuah senarai pendek tentang perkara-perkara yang boleh dilakukan oleh ibu bapa, guru-guru, dan orang dewasa yang lain. Mereka boleh melakukan lebih banyak lagi supaya kanak-kanak boleh hidup dan membesar dalam persekitaran yang sihat.




APAKAH YANG BOLEH DILAKUKAN OLEH KANAK-KANAK?

Belajar



Di sekolah-- beritahu guru dan ibu bapa anda bahawa anda ingin mempelajari tentang alam sekitar dan tentang hak kanak-kanak untuk persekitaran yang sihat



Anda sendiri-- baca buku, tonton video, dan libatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang mengajar anda tentang alam sekitar

Bersuara



Beritahu kanak-kanak dan orang dewasa yang lain, termasuk ibu bapa anda, tentang apa yang anda pelajari tentang alam sekitar dan hak kanak-kanak kepada persekitaran yang sihat



Gunakan media sosial untuk memberitahu orang lain tentang apa yang anda lakukan untuk melindungi alam sekitar



Beritahu guru anda bahawa anda mahukan maklumat mesra kanak-kanak tentang alam sekitar dan perubahan iklim



Bermain



Beritahu ibu bapa anda dan orang dewasa lain bahawa kanak-kanak memerlukan tempat yang selamat untuk bermain



Cari perkara untuk anda lakukan yang melindungi alam sekitar serta menyeronokkan

Sertai




Bantu wujudkan kumpulan dalam komuniti anda dan libatkan diri dalam rangkaian sedia ada untuk kanak-kanak yang berusaha untuk melindungi alam sekitar dan melawan perubahan iklim



Libatkan diri dalam kempen dan kumpulan serantau dan antarabangsa:

- [Children's Environmental Rights Initiative \(CERI\)](#)
- [ASEAN Youth Organization](#)
- [United Nations Major Group on Children and Youth](#)
- [Asia Pacific Regional Youth Caucus](#)
- [UNEP Major Group on Children and Youth](#)



Sokong



Beritahu ibu bapa, guru-guru, dan pemimpin-pemimpin dalam komuniti anda bahawa kanak-kanak patut dilibatkan dalam membuat keputusan yang mempengaruhi hak mereka kepada persekitaran yang sihat



Perhatikan sebarang impak terhadap alam sekitar di tempat anda dan bagaimana ini memberi kesan terhadap orang di sekeliling anda



Apabila hak anda kepada persekitaran yang sihat tidak dihormati, minta kumpulan-kumpulan yang telah anda sertai untuk membantu anda membuat aduan



Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Kanak-Kanak adalah sebuah perjanjian penting oleh negara-negara yang telah berjanji untuk melindungi hak kanak-kanak. Konvensyen tentang Hak Kanak-Kanak menjelaskan siapakah kanak-kanak, semua hak mereka, dan tanggungjawab kerajaan. Semua hak adalah berkaitan, semua hak adalah sama penting, dan hak-hak ini tidak boleh dirampas daripada kanak-kanak. Kerajaan semua negara di rantau ASEAN telah bersetuju dengan Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak.

Keadilan mesra kanak-kanak merupakan sebuah pendekatan terhadap keadilan yang menghormati hak anda sebagai kanak-kanak, dengan cara yang mempertimbangkan dan disesuaikan dengan umur anda, keperluan anda, keadaan anda, dan berapa banyak yang anda faham. Ini merupakan keadilan yang boleh diakses setiap kanak-kanak, yang cepat, dan yang menghargai suara anda sepanjang seluruh proses. Keadilan mesra kanak-kanak direka untuk mengurangkan kemudaratan yang mungkin anda alami dalam proses ini, dan membantu anda melindungi hak anda.

PENGHARGAAN

Ringkasan maklumat mesra kanak-kanak ini tentang *Principles and Policy Guidance: Children's Rights to a Safe, Clean, Healthy and Sustainable Environment in the ASEAN Region* (Prinsip-Prinsip dan Panduan Dasar: Hak Kanak-Kanak untuk Persekitaran yang Selamat, Bersih, Sihat dan Mampan di Rantau ASEAN) telah dihasilkan dengan kerjasama kanak-kanak berumur 14-18 tahun dari Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, RDR Lao, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, dan Vietnam.

Reka Bentuk/Produksi: QUO Bangkok

Ringkasan Maklumat Mesra Kanak-Kanak diselesaikan pada bulan November 2021.

UNEP, UNICEF, Hak Asasi Manusia PBB, dan Gabungan Hak Kanak-Kanak Asia tidak bertanggungjawab untuk sebarang akibat yang berpunca daripada penggunaan semula penerbitan ini.

Terjemahan dengan bantuan daripada UNICEF Malaysia.

PERTANYAAN? HUBUNGI:

Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP)
uneproap@un.org

Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF)
asiapacificinfo@unicef.org

Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (OHCHR)
ohchr.bangkok@un.org

Gabungan Hak Kanak-Kanak Asia (CRC Asia)
secretariat@crcasia.org